



DBKL menyita barangan milik pemilik kedai yang meletak kerusi meja di kawasan parkir kenderaan.

DBKL angkut barangan penjaja halang laluan

Operasi turut babit peniaga motosikal roda tiga

Oleh **NORAFIZA JAAFAR**
KUALA LUMPUR

Sikap tidak endah penjaja yang menjalankan perniagaan tanpa mempedulikan undang-undang termasuk menghalang laluan awam membawa padah apabila barang mereka disita pihak berkuasa.

Menurut kenyataan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL), tindakan tegas terpaksa diambil berikutan ada penjaja dikesan berniaga di luar kaki dan di parkir kenderaan.

"DBKL melakukan tindakan sita terhadap penjaja warga asing dan pindah halangan, selain tindakan terhadap penjaja roda tiga.

"Sebanyak 12 sitaan dan pindah halangan dilakukan termasuk membabitkan penjaja tanpa permit serta melanggar syarat lesen," katanya pada Khamis.

Menurutnya, operasi dijalankan sekitar Jalan Tun Razak, Lorong Raja Muda Abdul Aziz, Jalan Jemur, Jalan Raja Alang Kampung Baru dan di Desa Pandan.

"Tindakan diambil mengikut peruntukan UUK 3(1) Undang-Undang



Peniaga roda tiga turut dikenakan tindakan oleh DBKL.



Kerusi dan meja yang diletakkan di parkir menghalang lalu lintas disita.

Kecil Pelesenan Penjaja (WPKL) 2016 dan Seksyen 46(1)(d) Akta Jalan Parit dan Bangunan 1974.

"Antara barangan disita termasuk meja dan kerusi plastik, kanopi serta peralatan lain," katanya.

Menurut DBKL, barangan dan peralatan disita dihantar ke Stor Sitaan DBKL Taman Miharja, Cheras untuk dokumentasi serta tindakan selanjutnya.

"Pemantauan berterusan akan dijalankan menerusi siri tindakan khas di seluruh ibu negara," katanya.



Kembalikan Nostalgia

Karnival Rakyat

KAWANGKARI

Wow! Banyak Aktiviti Tradisi dulu-dulu dan peluang memenangi pelbagai hadiah istimewa!